

Malaysia komited terus desak AS selesai isu Gaza

Hentikan krisis perlu langkah lebih strategik, tak selesai hanya dengan gencatan

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia konsisten mendesak penyelesaian menyeluruh terhadap isu Gaza dalam setiap pertemuan dengan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump, pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 baru-baru ini, tegas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, pendirian Malaysia itu dinyatakan beliau dalam pertemuan serta rangka lawatan Trump ke negara ini bahawa krisis Gaza tidak akan selesai hanya dengan gencatan senjata.

Katanya, beliau menjelaskan kepada Trump bahawa perlunya penyelesaian' komprehensif dengan mengiktiraf kedaulatan Palestin.

"Antara perkara pokok (perbincangan dengan Trump) adalah soal Gaza. Saya beritahu Presiden, saya jumpa pemimpin Hamas dan dia agak sedikit terkejut dan tanya kenapa.

"Saya jelaskan dan tak pernah guna istilah '20 point ceasefire' (Pelan Damai 20 Perkara), tapi saya sebut 'comprehensive settlement' (penyelesaian menyeluruh).

"Ini kerana istilah ini yang di-sepakati, tak selesai hanya dengan hentikan serangan tanpa ik-



Anwar pada Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto YouTube Parlimen Malaysia).

tiraf hak mutlak kedaulatan rakyat Gaza dan Palestin," katanya pada Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Sementara itu, Anwar turut mengakui dunia tidak boleh bergantung kepada gencatan senjata di Gaza sebagai penyelesaian muktamad, mengambil kira ia berlangsung dalam keadaan rapuh.

"Seperti mana kita tahu sama ada suka atau tak, peranan AS itu jadi faktor penentu gencatan senjata dan pemberhentian serangan.

"Jadi peranan kita selain usaha lain seperti bantuan kemanusiaan, perubatan dan lain-lain, perlu ada kesediaan untuk bersama dalam pasukan ketenteraan damai. Ini sudah saya maklum kepada Presiden Mesir, Abdel Fattah al-Sisi dan kepada ASEAN dalam mesyuarat di sini, baru-baru ini," katanya.

Beliau menjawab soalan tamba-

han Syed Ibrahim Syed Noh (PH-Ledang) mengenai usaha seterusnya untuk memastikan penyelesaian komprehensif dalam menamatkan perang di Gaza.

Nyatakan hasrat dengan tegas

Tambahnya, langkah lain yang sudah dan mesti dilakukan adalah menyampaikan secara terus kepada pemimpin dunia, khususnya kuasa besar seperti AS mengenai pelan penyelesaian komprehensif untuk Gaza.

"(Nak kata) macam, dah macam, marah pun sudah, kita juga sudah beritahu tak setuju dengan AS dan negara Eropah kerana hipokrisi mereka.

"Jadi bila ada peluang, sampaikanlah. Misalnya bila saya sampaikan kepada Trump mengenai penyelesaian komprehensif ini, Presiden sebut dan kemudian tegaskan dalam perjumpaan: 'Saya akan pastikan bahawa pelan damai dan gencatan senjata ini berhasi, saya akan pastikan begitu'.

"Jadi, setakat ini, (saya lihat) itu permulaan yang baik," kata Anwar.

Terdahulu menerusi perkongsian di Facebook, Perdana Menteri menegaskan, Malaysia bukan negara yang bersembunyi di sebalik laungan jauh, sebaliknya berani menyatakan kebenaran mengenai Palestin di hadapan Amerika Syarikat (AS).

Anwar berkata, pendirian Malaysia dan suara pejuang keadilan dari seluruh dunia itu disampaikan sendiri ketika beliau berdepan dengan Trump.

"Di hadapan Trump, saya bawa pendirian Malaysia dan suara pejuang keadilan dari seluruh dunia menuntut supaya AS memamatkan rejim Israel mematuhi gencatan senjata di Gaza. Kita bukan bangsa bersembunyi di sebalik laungan dari jauh.

"Kita berani menyatakan kebenaran secara berdepan demi keamanan yang berkekalan di bumi Palestin," tegasnya.